

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PENYAMPAIAN HADIAH SASTERA TAHUN 1973
DI LAKE CLUB, KUALA LUMPUR PADA 13HB
APRIL, 1974

Y.A.B. Datuk Hussein Onn,¹ Y.B. Tan Sri Ghazali,² Tuan Haji
Sujak,³ Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya sangat gembira dan bersyukur kerana sekali lagi pada malam ini kita dapat berhimpun di sini untuk meraikan para penulis kita yang karya-karyanya telah terpilih untuk diberi hadiah bagi tahun 1973.

Saudara-saudara tentulah masih ingat pada tahun lalu dalam majlis seperti ini di Sri Taman, saya telah menerangkan bahawa Hadiah Karya Sastra yang dimulakan semenjak tahun 1971 adalah sebagai incentive atau daya galakan untuk penulis-penulis kita berlumba-lumba mencipta karya-karya yang bermutu. Berdasar pada itulah hadiah diberi kepada karya-karya yang difikirkan baik dengan tidak mengira siapa penulisnya.

Pada masa ini saya lihat sudah ada di antara penulis-penulis kita yang semakin bersungguh-sungguh dalam usahanya. Maksud saya, penulis itu memberikan sumbangan terus menerus—constant—dan tetap menjaga nilainya. Dengan ini nyatalah langkah “incentive” yang telah berjalan selama tiga tahun itu telah mula menunjukkan kesan yang baik.

Saudara-saudara sekalian.

Saya fikir telah tiba masanya usaha penggalakan yang kita buat masa ini ditambah dengan usaha memberi penghargaan kepada para penulis peribadi, berdasarkan kepada sumbangannya yang “constant” dan bernilai sepanjang tahun. Di samping itu karya-karya yang didapati baik dari penulis-penulis yang sumbangannya tidak “constant” pun mestilah juga terus diberi hadiah seperti yang kita buat hingga sekarang.

¹ Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

² Y.B. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

³ Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dengan adanya pandangan dan pendapat baru ini, saya membuat keputusan hendak merombak penal yang ada sekarang dan menubuhkan satu penal baru dengan tugas-tugas baru pula. Penal yang ada sekarang di bawah ketuaan Tan Sri Ghazali Shafie sudah memberikan jasa yang tidak ternilai menolong saya dan saya tidak dapat menyatakan betapa besarnya terimakasih saya kepada mereka atas jasa dan susah payah mereka itu. Tiap-tiap seorang daripada mereka berhak mendapat pujian dan sanjungan kerana jasa mereka dan dedikasi mereka kepada perkembangan dan kemajuan sastra kita.

Saya bercadang hendak mengumumkan satu penal baru dengan tugas baru tidak lama lagi.

Dalam pada itu, oleh kerana barangkali akan banyak penulis-penulis peribadi yang akan menerima hadiah penghargaan kelak maka saya rasa Dewan Bahasa yang menanggung perbelanjaan hadiah selama tiga tahun yang lalu tidaklah patut dibiarkan menanggung beban itu bersendirian. Saya suka mencadangkan supaya penerbit-penerbit yang besar seperti *Utusan Melayu*, *The New Straits Times* dan badan penulis yang besar seperti Gapena hendaklah menolong dengan memberikan hadiah kepada karya-karya yang terpilih setiap tahun. Hadiah kepada penulis perseorangan yang mendapat penghargaan atas dasar penilaian baru itu akan dikeluarkan oleh Dewan Bahasa yang akan juga bertanggungjawab menerbitkannya.

Seterusnya saya akan tetap memerhatikan kemajuan kesusastraan kita sehingga pada suatu masa kelak mungkin kita akan mengadakan pula hadiah penghargaan yang lebih tinggi darjatnya dan boleh kita gelarkan Anugerah Sastera. Ini adalah satu anugerah yang mungkin boleh disamakan dengan anugerah seni di negarane-negara lain seperti Nobel Prize for Literature. Begitu juga kita bercadang akan meluaskan scope penghargaan kepada essay dan penerbitan seperti Pulitzer Prize di Amerika Syarikat.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum, negara kita adalah dalam proses pembangunan. Dalam lapangan sastera khususnya dan lapangan kebudayaan umumnya juga masih dalam peringkat pembangunan. Kita hendaklah melangkah dengan hati-hati tetapi pasti ke arah kemajuan yang dicita-citakan itu. Tiap-tiap golongan yang berjasa

dalam pembangunan sudah semestinya diberi penghargaan mengikut keadaan masa dan taraf sumbangan masing-masing.

Kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang sudah banyak bekerja meluaskan dan memajukan perkembangan sastera kita dan kepada Penal Sastera khususnya, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saya rasa Penal baru yang akan ditubuhkan tidak lama lagi sudah tentu akan bersekretariat di Dewan Bahasa juga.

Sebentar tadi, Tuan Haji Sujak, Ketua Pengarah Dewan Bahasa merayu minta bantuan kita sekalian. Maka itu saya dengan penuh ikhlas menyambung rayuan beliau itu. Berilah bantuan dan kerjasama kepada Dewan Bahasa dalam usaha-usahanya menggalakkan dan memajukan sastera kebangsaan kita. Saya akan menasihatkan pihak-pihak Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan supaya dapat memberikan cuti kepada kakitangannya yang akan diberi kesempatan oleh Dewan Bahasa melaksanakan tugas mereka sebagai penulis, atau untuk menerima latihan yang akan diaturkan oleh Dewan Bahasa dari semasa ke semasa. Begitu juga saya harap pihak-pihak swasta pun akan memberikan kerjasama.

Saudara-saudara sekalian.

Akhirnya, saya suka mengucapkan tahniah kepada penulis-penulis yang karya-karya mereka telah terpilih untuk diberi hadiah kali ini. Mudah-mudahan tahun depan ada di antara mereka akan menerima hadiah penghargaan peribadi keseluruhan sumbangannya tahun 1974 ini.